

**Kerajaan Timbang Biaya Kos Rumah Sepenuhnya Mangsa Banjir Yang Layak -
Muhyiddin
Bernama
Jan 9, 2015**

MUAR, 9 Jan (Bernama) -- Kerajaan akan mempertimbangkan untuk membiayai sepenuhnya kos membina rumah baharu bagi menggantikan rumah mangsa yang rosak keseluruhan akibat bencana banjir di beberapa negeri baru-baru ini.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata mangsa banjir yang mempunyai tapak sendiri, kerajaan akan membantu membina rumah di tapak mereka.

Bagaimanapun, beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara berkata kos sepenuhnya akan ditanggung oleh kerajaan sekiranya mereka difikirkan layak diberikan rumah.

"Ini bukan ganti rugi atau pampasan, ini atas dasar ihsan. Jadi yang mana layak, akan ditentukan oleh jawatankuasa peringkat negeri, kita akan laksanakan," kata Muhyiddin.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas program Santai Bersama Masyarakat Setempat di Balai Raya Kampung Jawa Panchor, Pagoh, di Muar, Jumaat.

Terdahulu, Muhyiddin yang juga anggota Parlimen Pagoh menunaikan solat Jumaat bersama kira-kira 200 masyarakat setempat di Masjid Jamek Kampung Terus Panchor, Pagoh.

Setakat ini, rumah bagi 2,660 keluarga mangsa banjir di Kelantan telah hilang atau rosak sepenuhnya manakala negeri-negeri lain masih belum dipastikan.

Dalam menyediakan rumah sementara pula, kerajaan akan memberi keutamaan kepada rumah mangsa yang mengalami kerosakan atau hilang sepenuhnya bagi mengurangkan beban mereka, katanya.

Beliau berkata beberapa formula telah dirangka bagi memastikan mangsa banjir mendapat kediaman sementara sebelum kediaman tetap dapat dibina.

"Agak penting bagi saya tekankan untuk bantu penempatan semula kediaman mereka yang telah rosak. Pelbagai formula kita guna. Mereka yang rumah rosak sepenuhnya akan diberi keutamaan untuk kita carikan rumah sementara," kata beliau.

Timbalan Perdana Menteri berkata Jawatankuasa Pengurusan Banjir perlu menyerahkan maklumat dan data lengkap mengenai mangsa dan jumlah kerosakan selewat-lewatnya akhir bulan ini.

"Saya minta semua jawatankuasa yang uruskan pasca banjir di semua negeri terlibat

menyegerakan segala urusan (mereka yang kehilangan rumah sepenuhnya) yang paling utama. Kelewatan kita untuk menyelesaikan masalah akan jadi beban kepada mangsa banjir," kata Muhyiddin.

Beliau berkata satu mesyuarat akan diadakan minggu depan bagi membincangkan pilihan model rumah sementara dan tetap, bersama agensi kerajaan yang berkaitan.

Sementara itu, beliau berkata Kementerian Pendidikan akan membelanjakan sebanyak RM4 juta bagi menggantikan buku-buku teks yang rosak.

Beliau berkata setakat ini, kementerian mentaksirkan kerugian bernilai RM500 juta akibat kerosakan harta benda dan infrastruktur sekolah.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1099368>